

**DERAF  
UCAPAN PERASMIAN**

**OLEH  
Y.B DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED  
MENTERI PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**PADA**

**MAJLIS PELANCARAN KILANG AVIALITE SDN. BHD.  
GONG BADAQ, TEREINGGANU DARUL IMAN**

**18 MEI 2017**

***Bismillahir-Rahmaanir-Rahiim.***

**YB Haji Nawî Bin Mohamad  
EXCO Kemajuan Luar Bandar  
Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan  
Negeri Terengganu;**

**YBhg. Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Haji Abdul Majid  
Pengerusi, SME Corp. Malaysia**

**Y.Bhg. Datuk (Dr.) Hafsah Hashim  
Ketua Eksekutif, SME Corp. Malaysia**

**Encik Azizi Mustafa  
Ketua Pembangunan Kewangan, MIDF**

**Madam Hee Wee Leng  
Ketua Pegawai Eksekutif, Avialite Sdn. Bhd.**

**Ahli-ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia**

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri Terengganu**

**Para tetamu terhormat, para media dan jemputan**

**Hadirin yang saya muliakan**

***As-salaamu ‘alaikum wa rahmatuLlahi wa barakaatuh*** dan selamat petang saya ucapkan kepada sekalian yang hadir.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Madam Hee Wee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ir. A.L. Chew, Ketua Pegawai Teknikal, Avialite Sdn Bhd. atas kejayaan pelancaran kilang baharu Avialite.

3. Sejak penubuhannya pada tahun 2004 bertapak dari sebuah rumah kedai sahaja, Avialite pada hari ini telah berjaya membuka kilang baharu dengan keluasan tanah sebanyak 1 hektar dan tapak kilang seluas 7,000 kaki persegi bernilai RM4 juta dengan pembiayaan oleh MIDF. Dengan adanya kilang baharu ini, syarikat Avialite akan dapat memenuhi permintaan pengeluaran yang lebih besar dan bersaing untuk projek-projek yang lebih besar.

Tuan/Puan

4. Sebagai salah satu syarikat tempatan di dalam industri *Solid State Lighting/Light-Emitting Diode (SSL/LED)*, Avialite telah berjaya mengambil bahagian dalam Program Green SSL/LED yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia sejak tahun 2013. Program ini bertujuan untuk mewujudkan syarikat-syarikat tempatan **SSL/LED** bertaraf “Global Champion” di bawah Program E&E NKEA (EPP 10).

5. Melalui program ini, SME Corp. telahpun bekerjasama dengan ISIS Innovation Ltd., sebuah subsidiari Universiti Oxford untuk mendaftarkan syarikat-syarikat seperti Avialite dalam program pembangunan intensif yang dipanggil Program Elite Oxford di London bertujuan untuk mengukuhkan asas syarikat dan merangka strategi pemasaran untuk menjadi juara global.

6. SME Corp. juga telah menyediakan geran bagi pembelian mesin, alatan dan pensijilan domestik dan antarabangsa sebagai persediaan syarikat untuk mengorak langkah ke pasaran antarabangsa.

7. Inisiatif ini diperkukuhkan lagi dengan memberi pendedahan antarabangsa kepada syarikat-syarikat tempatan seperti Avialite melalui kerjasama dengan MNC dan GLC. Antara lain, syarikat-syarikat tersebut telah dibawa untuk menyertai pameran-pameran antarabangsa di negara-negara membangun dan negara maju seperti Afrika, Timur Tengah dan Eropah. Inisiatif ini adalah sejajar dengan objektif dan misi Program Transformasi Ekonomi Malaysia untuk mencapai status berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

8. Avialite Sdn. Bhd. merupakan salah satu syarikat yang telah menerima insentif daripada SME Corp. sebanyak RM883,280 melalui program EPP10 bagi tujuan pembinaan kapasiti dan pensijilan antarabangsa yang membolehkan syarikat ini menerokai pasaran ASEAN seperti Indonesia dan Myanmar.

9. Pada tahun 2016, KPI Program EPP10 ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian jualan kumulatif sebanyak RM125.2 juta (sasaran: RM115 juta) dan pensijilan antarabangsa bagi 38 produk tempatan (sasaran: 30). Pada tahun 2020, jualan kumulatif yang disasarkan adalah sebanyak RM178 juta.

10. Selain daripada prestasi jualan dan pensijilan syarikat-syarikat, Program *Green SSL/LED* ini juga secara langsung menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Syarikat Avialite misalnya telah mewujudkan sebanyak 25 peluang pekerjaan baharu bagi pekerja mahir tempatan dengan gaji purata RM3,000.

Tuan/Puan

11. Majlis pada hari ini diadakan bersempena dengan Minggu PKS 2017 yang berlangsung daripada 17hb ke 26 Mei 2017 di Terengganu, di mana ianya merupakan satu

inisiatif di bawah Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bagi mengiktiraf kepentingan dan sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi negara.

12. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merangkumi 98.5% daripada jumlah perniagaan di negara ini. PKS merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi, dalam usaha Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

13. Di Terengganu sahaja, setakat 30 April 2017, sebanyak 2,068 PKS telahpun berdaftar dengan SME Corp. Malaysia dan sebanyak RM225 juta telah disumbangkan oleh SME Corp. Malaysia samaada dalam bentuk geran atau insentif kepada para PKS Terengganu.

Tuan/Puan,

14. Salah satu kelebihan penggunaan lampu LED ialah ianya mesra alam sekitar, lebih kos efektif dan tahan lama jika dibandingkan dengan mentol pijar biasa dan mentol *Compact Flourescant Lamp* (CFL). Digabungkan dengan reka bentuk yang efisien dan optimum, Avialite telah berjaya memperkenalkan pelbagai reka bentuk lampu parabola baharu untuk beacon penerbangan. Jualan

syarikat ini pada tahun 2016 adalah sebanyak RM3.2 juta dan RM2.26 juta (suku tahun pertama 2017). Antara pelanggan tempatan utama bagi syarikat ini ialah YTL, SACOFA, TM, MAXIS dan TNB. Manakala eksport utamanya ialah ke Indonesia dan Myanmar. Tahniah diucapkan kepada Syarikat Avialite di atas pencapaian ini.

15. Dengan adanya syarikat-syarikat tempatan seperti Avialite yang mengutamakan kualiti dan inovasi, PKS kita mampu memperkembangkan perniagaan mereka ke luar negara. Kejayaan Syarikat Avialite merupakan tunggak masa depan yang cerah bagi industri lampu tanah air dan saya berharap banyak lagi syarikat tempatan akan mencontohi kejayaan yang kita raikan pada hari ini.

16. Hanya dalam masa tiga tahun lagi kita akan tiba di pintu gerbang tahun 2020. Oleh demikian, pengantarabangsaan PKS dan akses kepada pasaran global merupakan agenda utama Kerajaan. Walau bagaimanapun, pasaran tempatan tidak boleh diabaikan. Asas pasaran domestik yang kukuh adalah diperlukan bagi membolehkan syarikat-syarikat PKS memperluaskan pasaran mereka di peringkat antarabangsa. Sebelum PKS boleh melangkah kaki ke pasaran antarabangsa, syarikat-syarikat ini perlu membuktikan diri mereka dalam pasaran

domestik masing-masing untuk mendapat rekod prestasi yang baik.

Tuan/Puan,

17. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Avialite Sdn. Bhd, SME Corp., MITI serta Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri lain yang bersama-sama membantu menjayakan majlis pada hari ini. Ini adalah sebahagian daripada kisah kejayaan PKS di Terengganu. Dengan sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan, saya yakin lebih banyak syarikat PKS tempatan mampu melangkah jauh ke hadapan dan mencatat kejayaan yang lebih besar.

18. Dengan lafaz Bismillahir Rahmaanir Rahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Kilang Avialite Sdn. Bhd.

19. Sekian, wassalaamualaikum warahmatullahi taala wabarakaatuh.